

PENGHANTARAN KERTAS PERMOHONAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI KELULUSAN TEKNIKAL JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) KKM BAGI TAHUN 2017

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pihak Urus setia JPICT memohon kerjasama Bahagian/Institusi/Jabatan Kesihatan Negeri yang bercadang memohon kelulusan perolehan projek ICT di mesyuarat tersebut agar menghantarnya kepada Urus Setia JPICT melalui Sistem Aplikasi Profil Projek ICT (PROFIT).

3. PROFIT merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh pihak MAMPU bertujuan untuk mendaftar dan merekod permohonan perolehan projek ICT, mengemas kini dan memantau semua projek ICT yang dibangunkan dan dilaksanakan oleh semua fasiliti KKM. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat <http://profitv2.mampu.gov.my>.

4. Untuk tujuan permohonan kelulusan teknikal projek ICT, Bahagian / Institusi / Jabatan Kesihatan Negeri juga dipohon untuk mengemukakan permohonan ID Pengguna dan kata laluan untuk menggunakan aplikasi PROFIT melalui Urus Setia JPICT KKM.

5. Mesyuarat JPICT mengikut Takwim KKM 2017 dijadualkan seperti berikut :

Mesyuarat	Tarikh Akhir Penghantaran Kertas Permohonan Untuk Kelulusan Mesyuarat JPICT 2017	Mesyuarat JPICT KKM
JPICT Bil. 1/2017	16 Januari 2017	15 Februari 2017 (RABU)
JPICT Bil. 2/2017	8 April 2017	16 Jun 2017 (JUMAAT)
JPICT Bil. 3/2017	8 Julai 2017	15 Ogos 2017 (KHAMIS)
JPICT Bil. 4/2017	1 Oktober 2017	2 November 2017 (KHAMIS)

6. Manakala mesyuarat JK Teknikal Projek ICT (JTI) dijadualkan seperti berikut:

Mesyuarat	Cadangan Tarikh *
JTI KKM Bil. 1/2017	15 Januari 2017
JTI KKM Bil. 2/2017	7 Februari 2017
JTI KKM Bil. 3/2017	16 Mac 2017
JTI KKM Bil. 4/2017	13 April 2017
JTI KKM Bil. 5/2017	18 Mei 2017
JTI KKM Bil. 6/2017	9 Jun 2017
JTI KKM Bil. 7/2017	1 dan 3 Ogos 2017
JTI KKM Bil. 8/2017	19 September 2017
JTI KKM Bil. 9/2017	12 Oktober 2017

* Tertakluk kepada perubahan. Semua kertas permohonan ke JPICT akan dibawa ke mesyuarat JTI terlebih dahulu. Tarikh akhir penghantaran kertas permohonan ke JTI KKM adalah seminggu sebelum mesyuarat JTI KKM.

7. Permohonan kelulusan bagi projek ICT dibuka sepanjang tahun berdasarkan had nilai kelulusan sebagaimana digariskan dalam Surat Pekeliling Am KKM Bilangan 1 Tahun 2016. Kertas yang diterima melewati tarikh mesyuarat yang telah ditetapkan akan dibawa ke mesyuarat yang seterusnya. Sebarang kertas kerja atau pertanyaan mengenai JPICT boleh

dikemukakan kepada Urus Setia JPICT KKM melalui emel urusetiajpict@moh.gov.my atau nombor telefon berikut : **03-88833381 / 03-88833432 / 03-88832475.**

8. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**URUS SETIA
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**